Experts

Model Jati Diri Kesukarelawanan Mahasiswa UMPSA: Pintalan Hikmah al-Quran dan as-Sunah

Tue, 12/23/2025 - 15:04

Di persada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang mana gemerlapan ilmu dan teknologi merentasi sempadan akal, tersemat sebuah cita-cita luhur yang tidak hanya mengidamkan kecemerlangan akademik, tetapi turut memahat kedalaman budi dan kesuburan jiwa dalam sanubari setiap mahasiswanya. Hasrat murni ini dapat diterjemahkan melalui pembinaan Model Jati Diri Kesukarelawanan Mahasiswa, sebuah kerangka yang berpaksikan tunjang al-Quran dan as-Sunah yakni sebuah kerangka yang menyulam nilai-nilai murni ke dalam kanvas kehidupan. Kesukarelawanan, dalam konteks pembangunan siswa ini, bukan sekadar aktiviti sampingan mengisi jurang masa senggang, tetapi adalah wadah pembinaan karakter yang berdiri teguh atas tiga tiang seri utama yang saling berkait dengan makna Ikhlasul Amal (Keikhlasan Beramal), Taqarrub Ilallah (Pendekatan Diri kepada Allah), dan Naf'ul Khala'iq (Kemanfaatan kepada Makhluk).

Intipati setiap gerak kerja sukarela hendaklah bermula dengan niat yang suci dan keikhlasan, seperti pohon bakti yang berakar pada kesedaran bahawa setiap titisan peluh dan pengorbanan masa oleh mahasiswa dilakukan semata-mata demi mengharapkan keredaan Ilahi, bukan pujian manusia atau ganjaran duniawi yang bersifat sementara. Keikhlasan ini berperanan sebagai penapis yang menghindarkan unsur riak dan ujub yang boleh menghapuskan pahala serta menjatuhkan maruah diri. Prinsip asas sebegini ini termaktub indah dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama dengan lurus…” (Surah al-Bayyinah, 98:5).

Dalil agung ini berfungsi sebagai kompas jiwa yang menetapkan bahawa kesukarelawanan merupakan sebahagian daripada ibadah yang menuntut keikhlasan sepenuh hati. Tanpa keikhlasan, segala amal bakti yang dilakukan tidak membawa nilai di sisi Tuhan Yang Maha Agung, sebaliknya menjadi sia-sia, seperti debu yang berterbangan tanpa makna dan tiada nilai di sisi Tuhan Yang Maha Agung.

Selanjutnya, model ini menekankan semangat Taqarrub Ilallah dengan menjadikan kesukarelawanan sebagai wahana untuk mendekatkan diri kepada Sang Pencipta. Apabila mahasiswa UMPSA menghulurkan bantuan kepada mereka yang ditimpa musibah atau memerlukan pertolongan, hakikatnya mereka sedang meneladani sifat Tuhan Yang Maha Penyayang dan Maha Pemurah. Setiap khidmat yang diberikan sama ada membimbing jiwa anak yatim, membersihkan alam sekitar, atau menyalurkan bantuan kemanusiaan ke pelosok desa adalah manifestasi tertinggi cinta kepada Allah SWT melalui cintanya kepada ciptaan-Nya. Kaitan ini diperkukuh melalui Hadis Qudsi yang masyhur, apabila Allah SWT berfirman bahawa yang bermaksud: “Dan sentiasalah hamba-Ku mendekatkan diri kepada-Ku dengan amalan-amalan sunat (nawafil) sehingga Aku mencintainya.” (Riwayat Al-Bukhari).

Amalan kesukarelawanan yang tergolong sebagai nawafil atau amalan sunat ini, apabila dilaksanakan secara berterusan dengan penuh keikhlasan serta tanpa mengharapkan sebarang

balasan, berupaya mengangkat darjat mahasiswa sebagai hamba yang dicintai oleh Allah SWT. Konsistensi dalam memberi khidmat bukan sahaja mencerminkan kesungguhan hati, malah membentuk disiplin diri yang kukuh dan kesedaran rohani yang mendalam. Melalui interaksi dengan masyarakat yang memerlukan, empati mahasiswa diperkaya, rasa tanggungjawab sosial diperkukuh, dan keupayaan untuk bersabar serta berkorban dipertingkatkan. Keseluruhannya, amalan ini menjadi medium pembinaan ketabahan jiwa dan pemantapan teras jati diri seorang Muslim yang seimbang dari segi spiritual, emosi, dan akhlak.

Puncak model pembinaan jati diri yang diimpikan ialah Naf'ul Khala'iq, iaitu kemanfaatan sejagat. Mahasiswa UMPSA didorong dan dibimbing untuk tampil sebagai agen perubahan yang proaktif, berupaya membawa kebaikan serta menawarkan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi masyarakat. Prinsip ini menyemai semangat inovasi dan menanam rasa tanggungjawab sosial yang mendalam, selari dengan peranan mahasiswa sebagai pewaris kepimpinan masa hadapan dan khalifah di muka bumi. Rasulullah SAW, tokoh teladan kita telah menegaskan betapa mulianya individu yang memberi manfaat dengan sabdanya yang bermaksud: "Manusia yang paling dicintai oleh Allah adalah yang paling bermanfaat bagi manusia." (Riwayat At-Tabrani).



Hadis mulia ini menjadi mandat agung kepada setiap sukarelawan UMPSA dengan mentransformasikan kefahaman tentang kesukarelawanan daripada sekadar pelaksanaan projek kepada suatu misi kehidupan untuk memberi sumbangan. Kemanfaatan yang dihasratkan ini melangkaui batas etnik, agama, dan geografi, serta merangkumi tanggungjawab memelihara kelestarian alam dan ekosistem, yang juga merupakan sebahagian daripada ciptaan Allah SWT.

Oleh itu, Model Jati Diri Kesukarelawanan ini berfungsi sebagai cerminan diri yang jernih buat mahasiswa UMPSA. Model ini mendidik bahawa kekuatan sebenar seorang insan tidak terletak semata-mata pada segulung ijazah yang bakal diraih, tetapi pada kepekaan hati untuk meringankan beban dan kesusahan orang lain. Kesukarelawanan yang berteraskan roh al-Quran dan as-Sunah bukan sekadar melahirkan aktivis bermusim yang mengejar pengiktirafan, sebaliknya membentuk pemimpin yang berjiwa hamba serta tunduk patuh kepada perintah Ilahi, namun teguh dan berani membela golongan yang lemah serta terpinggir. Mereka inilah khaira ummah (umat terbaik) yang bangkit di tengah-tengah cabaran dunia yang sarat dengan kelalaian, membawa panji ilmu, iman, dan amal yang disepadukan secara seimbang.

Di bawah naungan hikmah Ilahi, mahasiswa UMPSA merangka takdir baharu di medan bakti, di mana setiap langkah sukarela menjadi untaian doa, setiap senyuman yang dihulurkan bernilai sedekah, dan setiap pengorbanan menjadi pelaburan abadi untuk akhirat. Inilah model yang memancarkan cahaya Islam dalam setiap denyutan perkhidmatan, membuktikan bahawa jati diri hakiki terletak pada keupayaan memberi dengan ikhlas tanpa mengharap balasan, ibarat titisan hujan yang menyuburkan bumi tanpa pernah menuntut ganjaran.



Sebagai pengukuhan kepada kerangka konseptual ini, pelaksanaan kesukarelawanan di UMPSA dapat dilihat secara nyata melalui pelbagai inisiatif berimpak tinggi yang mencerminkan prinsip Ikhlasul Amal, Taqarrub Ilallah dan Naf'ul Khala'iq. Penglibatan mahasiswa dalam program pembersihan pantai melalui aktiviti plogging, misalnya, bukan sekadar usaha memelihara alam sekitar, tetapi manifestasi tanggungjawab sebagai khalifah dalam menjaga kelestarian ciptaan Allah. Begitu juga program khidmat makanan kepada warga kampus dan komuniti setempat yang dizahirkan melalui inisiatif kebajikan, memperlihatkan semangat empati dan keprihatinan sosial tanpa mengira latar belakang. Di samping itu, penyertaan mahasiswa dalam program pembinaan sukarelawan dan mobiliti antarabangsa berteraskan khidmat komuniti telah memperluas makna kesukarelawanan melangkaui sempadan geografi, sekali gus membentuk jati diri kepimpinan yang berdisiplin, berdaya tahan dan berpandangan global.

Keseluruhannya, contoh-contoh ini membuktikan bahawa Model Jati Diri Kesukarelawanan Mahasiswa UMPSA bukan sekadar ideal normatif, sebaliknya diterjemahkan secara praktikal sebagai medan tarbiah rohani dan sosial yang menyumbang kepada kemanfaatan sejagat.



Oleh: JAMILAH BEBE MOHAMAD
Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
E-mel: jamilahbebe@umpsa.edu.my

Oleh: MOHAMMAD BAIHAQI HASNI,
Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my

- 61 views

View PDF